



Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff (empat dari kiri) dan Pengarah Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Profesor Dr Nordin Yahaya (tiga dari kiri) bersama graduan program Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM) selepas Majlis Konvokesyen UMP di Kompleks Sukan UMP. - NSTP/Ihsan UMP

## 35 graduan perintis program kerjasama UMP, AKEPT

Oleh Asrol Awang  
bhnews@bh.com.my

[f Share](#) [t Tweet](#)

KUANTAN: Seramai 35 graduan program kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) di bawah agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) menerima diploma masing-masing, baru-baru ini.

Penyampaian diploma itu disempurnakan Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff pada Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-14 di Kompleks Sukan UMP Gambang, di sini.

Program perintis itu dilaksanakan UMP Advanced Education (UMPA) yang berjaya melahirkan graduan bidang Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM).

Pelaksanaan pembangunan modal insan dan pengurusan bakat itu selaras dengan kepentingan pembangunan sumber manusia pendidikan tinggi dan dunia kesarjanaan ke arah pemantapan penyampaian kerja berprestasi tinggi pada masa depan.



Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff (duduk enam dari kanan) dan Pengarah Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Profesor Dr Nordin Yahaya (duduk tujuh dari kanan) bersama graduan program Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM) di Kompleks Sukan UMP. NSTP/Ihsan UMP

Pengarah AKEPT, Prof Dr Nordin Yahaya, berkata agenda pengurusan dan pemerkasaan bakat kepimpinan penting dalam ekosistem organisasi dan institusi pendidikan tinggi.

Katanya, hasrat AKEPT membina jambatan ilmu CBTM direalisasikan melalui kolaborasi strategik antara AKEPT dan UMP yang menjadi tonggak membudayakan pengurusan bakat berwibawa di universiti awam (UA).

“Alumni pertama AKEPT-UMP dalam Diploma Profesional CBTM ini satu pelaburan bermakna buat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) umumnya dan UA khususnya.

“Pendedahan kepada ilmu sumber manusia dengan 10 modul ditetapkan ini berjaya melahirkan pegawai lebih kompeten dalam pengurusan bakat lebih berstruktur dan telus.

“Dengan terhasilnya kohort pertama dalam CBTM ini, AKEPT berharap ia akan memperkasakan pengurusan bakat kepimpinan yang lebih telus, holistik dan objektif.

“UMP bersama UA lain akan bergerak seiring dan jaringan strategik ini juga landasan perkongsian ilmu yang berterusan bagi mencapai kelestarian pengurusan bakat kepimpinan berteraskan kompetensi,” katanya.

Beliau berharap usaha AKEPT-UMP itu terus merencanakan agenda kelangsungan kepimpinan UA yang berwibawa untuk kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

“Program komprehensif melalui pendekatan pembelajaran teradun di bawah penyeliaan Pusat Pemprofilan Kepimpinan (CeLP), manakala AKEPT dan UMP sebagai rakan strategik.

“Pembelajaran Teradun satu kaedah menggabungkan pendekatan pembelajaran mod bersemuka dan pembelajaran mod dalam talian,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof Dr Faaizah Shahbodin, berkata CBTM program penting bukan saja kepada pentadbir universiti, malah semua komuniti universiti perlu faham dan mengikuti program ini untuk lonjakan kefahaman berhubung kompetensi dan pembangunan bakat.

Timbalan Pengarah di Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Syamsul Azri Abdul Rahman pula berkata, pembelajaran sambil bekerja memberi manfaat secara spesifik kepada tugas dan tanggungjawab semasa di UniSZA.

“Program ini banyak memberi pendedahan dan maklumat terkini dalam pengurusan bakat sumber manusia, selain meningkatkan jaringan kerja dengan pengurus bakat di UA lain,” katanya.

Bagi Ketua Seksyen Pelan Penggantian di Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM), Azizi Ismail, CBTM platform terbaik hasil idea asli dan kreatif AKEPT dengan iltizam padu UMP berupaya meningkatkan kompetensi pengurus bakat UA selari pendekatan sumber manusia terkini.

Buku berjudul ‘Memimpin Yang Terpimpin: Model Kompetensi Bakat dan Kepimpinan UA’ hasil tulisan penulis UMP, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), UnisZA dan AKEPT diketuai Dr Mohamad Rozi Hassan serta Prof Madya Dr Ismie Roha Mohd Jais turut dilancarkan pada Majlis Makan Malam Bersama Graduan bagi meraikan graduan CBTM anjuran UMPA di Hotel Vistana Kuantan, baru-baru ini.